



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU SHERLOCK HOLMES: A STUDY IN SCARLET DAN THE SIGN OF FOUR - EDISI BAHASA MELAYU

Sherlock Holmes adalah watak fiksyen paling terkenal dan sudah diterbitkan dalam pelbagai bahasa dan medium. Kisah dunia penyiasatan di Eropah tidak akan lengkap tanpa kehadiran beliau. Penyiasat genius ini dan sahabatnya, Dr. John H. Watson berjaya menyelesaikan pelbagai kes misteri dan jenayah dengan kemampuan menganalisis yang luar biasa. Dengan ini, Penerbit X tidak melepaskan peluang bagi menerbitkan semula karya Sir Arthur Conan Doyle dalam edisi Bahasa Melayu.

Buku ini mengandungi dua novel terawal, *A Study in Scarlet*, tentang misteri pembunuhan yang memeningkan dan tulisan *Rache* berdarah pada dinding, dan *The Sign of Four*, memperkenalkan watak Mary Morstan, wanita muda yang meminta bantuan Holmes dan Dr. Watson merungkai misteri mutiara yang diterimanya setiap tahun, beberapa tahun selepas kematian ayahnya.

Bagi pembaca yang tidak pernah mengikuti kisah Holmes ataupun hanya pernah menonton drama ataupun filem Sherlock Holmes, buku ini sesuai untuk anda. Sepanjang 408 halaman buku ini, pembaca dapat mengikuti detik pertemuan dua penyiasat hebat ini sehingga mereka serasi dalam menyelesaikan kes bersama-sama.

Dapatkan juga naskah siri Sherlock Holmes seperti *Sherlock Holmes-Perunding Detektif Pertama Dunia*, *Sherlock Holmes 2 - Detektif yang Penuh Kejutan*, *Sherlock Holmes - Wira Kota London*, *Sherlock Holmes: Sumpahan Empat Sahabat*, *Saya, Sherlock & Lupin (Wanita Berkelubung Hitam)* dan *Saya, Sherlock & Lupin: Babak Terakhir Opera*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my